



**PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENILAIAN
PROGRAM *MICRO CREDENTIAL* MELALUI SISTEM LATIHAN
PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB)
DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

1 JULAI 2022

KANDUNGAN

BAB	SENARAI KANDUNGAN	MUKASURAT
	TAFSIRAN	
	SENARAI SINGKATAN	
	SENARAI JADUAL	
1.0	PENDAHULUAN	7
2.0	TUJUAN	8
3.0	PENDAFTARAN PELATIH	9
4.0	PELAKSANAAN LATIHAN	9
4.1	Nilai Mata Kredit	
4.2	Tempoh Latihan	
5.0	PENILAIAN	11
5.1	Kategori Penilaian Program <i>Micro Credential</i>	11
5.1.1	Penilaian Program <i>Micro Credential</i> (MC-CU)	11
5.1.2	Penilaian Program <i>Micro Credential</i> (MC-WA)	11
5.2	Penilaian Kerja Kursus (PKK)	12
5.3	Penilaian Akhir	14
6.0	PEMARKAHAN	17
7.0	PELAKSANAAN VERIFIKASI PENILAIAN AKHIR	20
7.1	Permohonan Verifikasi PPL	20
7.2	Tugas Dan Tanggungjawab PB	20
7.3	Tugas Dan Tanggungjawab PPL	21
7.4	Penilaian Ulangan dan Ulang Nilai	22
8.0	PERSIJILAN	23
9.0	TARIKH KUATKUASA	23
	SENARAI LAMPIRAN	24

TAFSIRAN

Dalam Panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“Jawatankuasa Penasihat Teknikal (Technical Advisory Committee, TAC)” ertinya jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil industri bidang berkenaan, Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) dan Pegawai Pengesah Dalaman (PPD);

“*Micro Credential*” ertinya kelayakan mikro yang dianugerahkan bagi program latihan yang dilaksanakan secara modular dalam tempoh yang lebih singkat. Ia dibangunkan berasaskan kepada *Competency Unit* (CU) atau *Work Activity* (WA) atau gabungan CU atau gabungan WA bagi kompetensi spesifik sesuatu NOSS;

“MC-CU” ertinya program *Micro Credential* yang ditauliahkan bagi satu-satu CU atau gabungan CU;

“MC-WA” ertinya program *Micro Credential* yang ditauliahkan bagi satu-satu WA atau gabungan WA;

“Modul MC” ertinya unit pembelajaran yang dibentuk daripada CU bagi program MC-CU atau WA bagi program MC-WA;

“Pegawai Pengesah Luaran” ertinya seseorang personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) untuk melaksanakan verifikasi luaran dan penilaian di Pusat Bertauliah;

“portfolio” ertinya dokumen yang mengandungi segala jenis bukti kompetensi secara tersusun dan sistematik, mengikut keperluan setiap profil tugas NOSS;

“program *Micro Credential*” ertinya program latihan yang dilaksanakan dalam tempoh yang lebih singkat. Ia dibangunkan berasaskan kepada *Competency Unit* (CU) atau *Work Activity* (WA) yang membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC);

“program latihan” ertinya suatu kumpulan aktiviti latihan dan penilaian, dan hasil pembelajaran bagi suatu pekerjaan tertentu;

“Rekod Bukti Pencapaian” ertinya suatu dokumen yang merekodkan pencapaian calon terhadap tugas-tugas yang berkaitan melalui penilaian yang dilakukan;

“Sepenuh masa” ertinya pelaksanaan latihan kemahiran selama 20 jam atau tidak lebih 40 jam dalam seminggu;

“Separuh masa” ertinya pelaksanaan latihan kemahiran kurang daripada 20 jam dalam seminggu;

“sistem” ertinya satu aplikasi pangkalan data JPK yang dikenali sebagai MySPIKE.

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard, NOSS*)” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut;

“tempoh latihan” ertinya jumlah jam minimum yang mesti dilalui oleh pelatih bagi mencapai suatu hasil pembelajaran lengkap yang merangkumi aktiviti terpandu, pembelajaran sendiri dan penilaian;

“Unit Kompetensi (*Competency Unit (CU)*)” ertinya satu fungsi kerja utama bagi sesuatu bidang pekerjaan. Setiap unit kompetensi mengandungi beberapa aktiviti/tugasan bagi melengkapkan fungsi kerja utama yang boleh dinilai dan dipersijilkan secara berasingan; dan

“*Work Activity (WA)*” ertinya proses kerja lengkap dari permulaan hingga akhir yang menghasilkan samada produk, perkhidmatan atau keputusan.

SENARAI SINGKATAN

CU	-	<i>Competency Unit</i>
CPC	-	<i>Competency Profile Chart</i> (Carta Profil Kompetensi)
JPK	-	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KPPK	-	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
NOSS	-	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
PA	-	Penilaian Akhir
PB	-	Pusat Bertauliah
PC	-	Penyata Pencapaian
PKK	-	Penilaian Kerja Kursus
PPB	-	Pengurus Pusat Bertauliah
PP	-	Pegawai Penilai
PPD	-	Pegawai Pengesah Dalam
PPL	-	Pegawai Pengesah Luar
PPPB	-	Panel Penilaian Pusat Bertauliah
RBP	-	Rekod Bukti Pencapaian
RPK	-	Rekod Penilaian Kumulatif
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia
TAC	-	<i>Technical Advisory Committee</i>
WA	-	<i>Work Activity</i>
MySPIKE	-	Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia

SENARAI JADUAL

- | | | |
|----------|---|---|
| Jadual 1 | : | Peratusan Julat Masa Bagi Aktiviti Terpandu/ Bersemuka, Kendiri dan Penilaian Bagi Modul MC |
| Jadual 2 | : | Komponen PKK Pengetahuan & Pecahan Peratus Pemarkahan |
| Jadual 3 | : | Komponen Ujian Amali & Pecahan Peratus Pemarkahan |
| Jadual 4 | : | Komponen Penilaian & Pecahan Peratus Penilaian |
| Jadual 5 | : | Penyediaan Set Soalan PA Berdasarkan Nilai Kredit (MC-CU) / kiraan Jam (MC-WA) Mengikut Tahap |
| Jadual 6 | : | Komponen Penilaian PKK dan PA Mengikut Tahap |
| Jadual 7 | : | Pecahan Peratus Penilaian Dan Markah Lulus Minimum |
| Jadual 8 | : | Penggredan dan Pemarkahan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit |

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1** - Carta Alir pelaksanaan Program *Micro Credential*

1.0 PENDAHULUAN

Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Program *Micro Credential* Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “Panduan ini”) bertujuan menetapkan syarat, prosedur dan kaedah pelaksanaan program *Micro Credential*. Panduan ini mengandungi syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] dan hendaklah dibaca bersama dengan peraturan dan panduan yang sedang berkuatkuasa seperti berikut:

- i. Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj);
- ii. Panduan Pentauliah Program Latihan Kemahiran Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Bagi Program Modular Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Dan Standard Keterampilan Kebangsaan (NCS);
- iii. Panduan Pendaftaran Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan
- iv. Mana-mana panduan dan peraturan lain yang berkaitan.

Program *Micro Credential* adalah program jangka pendek yang boleh dilaksanakan di Pusat Bertauliah (PB) mengikut tempoh latihan yang diluluskan oleh JPK. Program ini terbahagi kepada dua (2) jenis kategori iaitu:

1. Program *Micro Credential* CU (MC-CU)

- i. Satu Unit Kompetensi (CU) atau gabungan beberapa CU daripada NOSS yang sama atau NOSS yang berlainan pada tahap yang sama atau berbeza dalam seksyen/bahagian yang sama;
- ii. Program ini membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC).

2. Program *Micro Credential* WA (MC-WA)

- i. Satu Aktiviti Kerja (WA) atau gabungan beberapa WA dari NOSS yang sama atau NOSS yang berlainan tetapi dalam seksyen/bahagian yang sama;
- ii. Program ini membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC).

2.0 TUJUAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada PB mengenai pelaksanaan dan penilaian program *Micro Credential* melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

Pelaksanaan Program *Micro Credential* adalah bertujuan untuk:

- i. membolehkan pelatih mendapat kemahiran untuk memasuki pasaran kerja dalam masa yang singkat;
- ii. membantu memantapkan kemahiran pelatih agar mampu menjadi tenaga mahir yang berkualiti;
- iii. membolehkan pekerja sedia ada meningkatkan kemahiran yang dimiliki melalui modul yang relevan dengan pasaran kerja semasa;
- iv. menggalakkan pelaksanaan latihan secara fleksibel sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa bagi mendapatkan kelayakan kemahiran;
- v. membantu majikan dan industri yang memerlukan pekerja yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri; dan
- vi. meningkatkan bilangan tenaga mahir negara yang diperlukan ke arah negara berpendapatan tinggi.

Pelatih yang telah menjalani latihan, penilaian dan lulus dengan jayanya bagi program berkenaan boleh dianugerahkan Penyata Pencapaian (PC). Bagi tujuan persijilan penuh pelatih hendaklah memenuhi syarat pensijilan yang telah ditetapkan oleh JPK sebagaimana dijelaskan dalam Panduan Pengeluaran Sijil Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia yang sedang berkuat kuasa.

3.0 PENDAFTARAN PELATIH

Kriteria dan pendaftaran pelatih perlu merujuk kepada Panduan Pendaftaran Persijilan Kemahiran Malaysia melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Kedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang sedang berkuatkuasa.

4.0 PELAKSANAAN LATIHAN

Pelaksanaan latihan adalah berasaskan kepada struktur kurikulum yang diluluskan semasa pentauliah program *Micro Credential*.

4.1 Nilai Mata Kredit

- a. Nilai 1 kredit adalah bersamaan 40 jam notional dan jumlah kredit minimum menentukan norma tempoh latihan bagi setiap tahap.
- b. Kredit diberikan bagi setiap CU yang telah dilengkapkan oleh pelatih.

4.2 Tempoh Latihan

- a. Tempoh latihan minimum bagi program *Micro Credential* adalah seperti yang dinyatakan dalam NOSS bagi setiap CU/WA yang berkenaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan latihan dan penilaian bagi program *Micro Credential* hendaklah sekurang-kurangnya 20 jam termasuk tempoh penilaian.
- b. Program ini boleh dijalankan secara sepenuh masa atau separuh masa.
- c. Penetapan julat peratusan masa aktiviti pembelajaran setiap modul MC.
 - i. Penetapan peratus masa aktiviti pembelajaran dan penilaian adalah merujuk kepada tahap modul MC yang diambil.
 - ii. Tempoh latihan hendaklah memenuhi peratusan julat masa yang ditetapkan merangkumi aktiviti terpandu/ bersemuka, sendiri dan penilaian seperti **Jadual 1**.

Jadual 1: Peratusan Julat Masa Bagi Aktiviti Terpandu/ Bersemuka, Kendiri dan Penilaian Bagi Modul MC

Tahap (Modul MC)	% Masa Aktiviti Pembelajaran & Penilaian Bagi Modul MC			Jumlah Keseluruhan (%) (Bersemuka + Penilaian + Kendiri)
	Aktiviti Terpandu/ Bersemuka	Aktiviti Pembelajaran Kendiri	Penilaian	
1	80 - 95	0 - 17	3 – 20	100
2	80 - 95	0 - 17	3 – 20	100
3	70 - 90	5 – 20	3 – 20	100
4	60 - 70	10 – 30	10 – 30	100
5	60 - 70	10 – 30	10 – 30	100

- iii. Jumlah julat peratusan tempoh pembelajaran hendaklah bersamaan 100% apabila ketiga-tiga komponen dijumlahkan (bersemuka + penilaian + kendiri = 100%).
- iv. Bagi modul MC yang mengandungi kombinasi WA pelbagai tahap hendaklah merujuk peratusan julat masa tahap tertinggi.

5.0 PENILAIAN

Penilaian dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) adalah satu proses menilai tahap kekompetenan yang merangkumi kemahiran, pengetahuan dan sikap/amalan keselamatan/persekitaran seseorang pelatih yang mengikuti program latihan kemahiran yang dilaksanakan di pusat bertauliah. Penilaian dilakukan dengan menggunakan pelbagai kaedah yang sesuai bagi menilai keterampilan seseorang pelatih seperti yang telah ditetapkan dalam NOSS.

5.1 Kategori Penilaian Program *Micro Credential* adalah seperti berikut:

5.1.1 Penilaian Program *Micro Credential* CU (MC-CU)

Penilaian MC-CU adalah penilaian berasaskan kredit. Nilai kredit dan gred diberikan setelah pelatih dinilai dan disahkan. Komponen penilaian bagi setiap CU terbahagi kepada dua (2) iaitu:

a. Penilaian Kerja Kursus (PKK)

Penilaian Kerja Kursus (PKK) ialah penilaian berterusan bagi setiap CU dan dilaksanakan secara dalaman di PB.

b. Penilaian Akhir (PA)

- i. PB boleh memilih satu (1) CU yang akan dinilai dan disahkan oleh Pegawai Pengesah Luaran (PPL) semasa verifikasi di akhir program; dan
- ii. CU yang lain hendaklah dilaksanakan secara dalaman.

PKK dan PA yang dilaksanakan secara dalaman di PB akan disemak dan disahkan oleh PPL semasa sesi Verifikasi PPL.

5.1.2 Penilaian Program *Micro Credential* WA (MC-WA)

Penilaian MC-WA adalah penilaian bukan kredit. Komponen penilaian terbahagi kepada dua (2) iaitu:

a. Penilaian Kerja Kursus (PKK)

Penilaian Kerja kursus (PKK) ialah penilaian berterusan bagi MC-WA sepanjang tempoh latihan dilaksanakan secara dalaman di PB.

b. Penilaian Akhir (PA)

Penilaian akhir adalah penilaian bagi MC-WA yang dilaksanakan di akhir program, dinilai dan disahkan oleh PPL semasa sesi Verifikasi PPL.

5.2 Penilaian Kerja Kursus (PKK)

5.2.1 PKK terbahagi kepada dua (2) iaitu:

a. Penilaian Kerja Kursus Pengetahuan

- i. PKK pengetahuan adalah mekanisma atau kaedah yang digunakan bagi menilai pengetahuan dan pemahaman pelatih mengenai apa yang telah dipelajari.
- ii. Bilangan soalan dan set soalan tidak ditetapkan tetapi keseluruhan penilaian perlu memenuhi semua *Work Activities* (WA);
- iii. Kaedah pelaksanaan penilaian terdiri daripada kertas tugas, kuiz dan lain-lain (Laporan Teknikal, Laporan Perbincangan/Lawatan Tapak, Kajian Kes, Persembahan atau lain-lain yang berkaitan dan mengikut kesesuaian tahap).
- iv. Kerja Kursus Pengetahuan hendaklah mempunyai komponen penilaian yang telah ditetapkan merujuk **Jadual 2**.

Jadual 2. Komponen PKK Pengetahuan & Pecahan Peratus Pemarkahan

Bil	Komponen PKK Pengetahuan	Pecahan Peratus %	
		Tahap 1-3	Tahap 4-5
1.	Ujian Teori i. Kertas Tugas (5%) ii. Kuiz (6%)	11%	11%
2.	Lain-lain (Laporan Teknikal, Laporan Perbincangan/Lawatan Tapak, Kajian Kes, Persembahan dan sebagainya)	10%	13%
Jumlah		21%	24%

***Markah lulus adalah 60% bagi setiap komponen penilaian**

b. Penilaian Kerja Kursus Prestasi

- i. PKK Prestasi adalah mekanisma atau kaedah yang digunakan bagi menilai kemahiran, sikap, keselamatan dan alam sekitar dalam melaksanakan tugas, praktikal atau kerja amali yang diarahkan.
- ii. Kaedah pelaksanaan boleh dilaksanakan dalam bentuk projek kecil TVET, kajian kes, kerja praktikal, simulasi dan lain-lain yang berkaitan dan mengikut kesesuaian tahap.
- iii. Kertas Ujian Amali hendaklah mempunyai komponen penilaian yang telah ditetapkan merujuk **Jadual 3**.

Jadual 3. Komponen Ujian Amali & Pecahan Peratus Pemarkahan

Bil	Komponen Ujian Amali	Peratus (%)	
		Tahap 1-3	Tahap 4-5
i.	Proses Kerja	25%	18%
ii.	Hasil Kerja (Produk / Servis / Keputusan)	17%	12%
iii.	Sikap / Keselamatan	5%	4%
iv.	Lisan	2%	2%
	Jumlah	49%	36%

**Kertas Kerja tidak dikira sebagai PKK Prestasi*

- 5.2.2 Semua maklumat pelaksanaan PKK hendaklah direkodkan di dalam Rekod Pencapaian Kumulatif (RPK) dan bukti penilaian hendaklah disimpan dalam Rekod Bukti Pencapaian (RBP) yang dikenali sebagai portfolio.
- 5.2.3 RPK perlu dilengkapkan serta ditandatangani oleh Pegawai Penilai (PP) dan disahkan oleh Pegawai Pengesah Dalaman (PPD). Tarikh yang perlu direkodkan ke dalam RPK adalah pada tarikh terakhir pelatih lengkap Modul MC tersebut.
- 5.2.4 RBP ataupun Portfolio hendaklah disusun seperti berikut:
 - i. Competency Profile Chart (CPC) bagi program NOSS;
 - ii. Rekod Pencapaian Kumulatif (RPK) bagi program Modul MC;
 - iii. Bukti-bukti pencapaian bagi semua Modul MC; dan
 - iv. Bukti penilaian akhir dalaman.
- 5.2.5 PB hendaklah merekodkan pemarkahan PKK ke dalam sistem.

5.2.6 Pecahan peratus penilaian PKK Pengetahuan dan Prestasi dan Penilaian Akhir mengikut tahap adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4: Komponen Penilaian & Pecahan Peratus Penilaian

BIL	KOMPONEN PENILAIAN		PECAHAN PERATUS PENILAIAN	
			TAHAP 1 - 3	TAHAP 4 - 5
1.	PENILAIAN KERJA KURSUS (PKK)	Penilaian Pengetahuan (Teori)	21%	24%
		Penilaian Prestasi (Amali)	49%	36%
		JUMLAH	70%	60%
2.	PENILAIAN AKHIR (PA)	Penilaian Pengetahuan (Teori)	9%	16%
		Penilaian Prestasi (Amali)	21%	24%
		JUMLAH	30%	40%
	JUMLAH %		100	100

5.3 Penilaian Akhir

5.3.1 Penilaian Akhir Program *Micro Credential* (MC-CU)

Penilaian akhir adalah penilaian bagi setiap CU dan dilaksanakan di akhir program. Penilaian akhir terbahagi kepada dua (2) iaitu:

- a. Penilaian Akhir Dalam
- b. Penilaian Akhir Verifikasi PPL

a. Penilaian Akhir Dalam

- i. Penilaian akhir dalam dilaksanakan bagi program yang mempunyai lebih dari satu CU dan dilaksanakan selepas pelatih lulus PKK bagi CU berkenaan.
- ii. Penyediaan set soalan adalah merujuk kepada perkara nilai kredit CU dan Tahap merujuk kepada **Jadual 5**.
- iii. PB hendaklah menyediakan dua (2) set soalan beserta skema jawapan merujuk kepada **Panduan Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran yang sedang berkuatkuasa**.

- iv. PB hendaklah merekodkan markah penilaian akhir dalaman ke dalam sistem yang akan disemak dan disahkan oleh PPL semasa Penilaian Akhir Verifikasi PPL.

b. Penilaian Akhir Verifikasi PPL

- i. Penyediaan set soalan adalah merujuk kepada perkara nilai kredit CU dan Tahap merujuk kepada **Jadual 5**.
- ii. PB hendaklah menyediakan dua (2) set soalan beserta skema jawapan merujuk kepada **Panduan Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran yang sedang berkuatkuasa**.
- iii. Soalan yang dibangunkan oleh PB hendaklah diluluskan oleh PPPB dan disahkan oleh TAC.
- iv. Kertas soalan PA yang dibangunkan hendaklah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- v. PB hendaklah menyediakan set soalan yang mencukupi mengikut bilangan pelatih.

5.3.2 Penilaian Akhir Program *Micro Credential* (MC-WA)

Penilaian akhir Modul MC dilaksanakan di akhir program.

5.3.2.1 Penilaian Akhir Verifikasi PPL

- a. Penyediaan set soalan adalah merujuk kepada perkara bilangan jam dan Tahap merujuk kepada **Jadual 5**.
- b. PB hendaklah menyediakan dua (2) set soalan beserta skema jawapan merujuk kepada **Panduan Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran yang sedang berkuatkuasa**.
- c. Soalan yang dibangunkan oleh PB hendaklah diluluskan oleh PPPB dan disahkan oleh TAC.
- d. Kertas soalan peperiksaan akhir yang dibangunkan hendaklah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- e. PB hendaklah menyediakan set soalan yang mencukupi mengikut bilangan pelatih.

Jadual 5: Penyediaan Set Soalan PA berdasarkan Nilai Kredit bagi MC-CU atau kiraan Jam bagi MC-WA mengikut Tahap

BIL	PERKARA	TAHAP 1 & 2	TAHAP 3	TAHAP 4 & 5
1.	PENGETAHUAN			
	(a) Bentuk Soalan	Objektif Mengingat (Recall) & Pemahaman	Objektif Mengingat (Recall), Pemahaman & Aplikasi	Objektif & Subjektif (Berstruktur dan Esei) Pemahaman & Analisis
	(b) Bilangan Soalan yang dibangunkan adalah merujuk kepada nilai kredit bagi MC-CU atau kiraan jam bagi MC-WA.			
	MC-CU	MC-WA		
	1 kredit	20 - 79 jam	10 soalan	20 soalan Objektif & 1 soalan Subjektif (struktur)
	2 - 3 kredit	80 - 159 jam	20 soalan	40 soalan Objektif & 1 soalan Subjektif (struktur)
	4- 6 kredit	160 - 279 jam	30 soalan	40 soalan Objektif & 2 soalan Subjektif (1 soalan struktur & 1 soalan esei)
	≥ 7 kredit	≥ 280 jam	40 soalan	40 soalan Objektif & 3 soalan Subjektif (2 soalan struktur & 1 soalan esei)
	(c) Tempoh Masa	1.5 min / soalan		1.5 min / soalan Objektif 30 min / soalan Subjektif
	1 kredit	20 - 79 jam	15 min	1 jam
	2 - 3 kredit	80 - 159 jam	30 min	1 jam 30 minit
	4 - 6 kredit	160 - 279 jam	45 min	2 jam
	≥ 7 kredit	≥ 280 jam	1 jam	2 jam 30 min
	(d) Aras kesukaran	Rendah 50% Sederhana 30% Tinggi 20%		
2.	PRESTASI	1 - 5 jam		

6.0 PEMARKAHAN

6.1 Komponen penilaian PKK dan PA untuk setiap modul MC adalah seperti **Jadual 6**.

Jadual 6: Komponen Penilaian PKK dan PA Mengikut Tahap

BIL	KOMPONEN PENILAIAN		PECAHAN PERATUS PENILAIAN	
			TAHAP 1-3	TAHAP 4-5
1	PENILAIAN KERJA KURSUS (PKK)	PENGETAHUAN		
		1. Ujian Teori	11%	11%
		i. Kertas Tugasan	5%	5%
		ii. Kuiz	6%	6%
		2. Lain-lain (Laporan perbincangan, Laporan lawatan tapak, Persembahan dan sebagainya)	10%	13%
		Jumlah	21%	24%
2	PENILAIAN AKHIR (PA)	PRESTASI		
		Ujian Amali	49%	36%
		Kertas Ujian Amali mempunyai komponen berikut:		
		i. Proses Kerja	25%	18%
		ii. Hasil Kerja (Produk/ Servis / Keputusan)	17%	12%
		iii. Sikap/Keselamatan	5%	4%
		iv. Lisan	2%	2%
		Ujian Amali boleh dilaksanakan dalam bentuk projek kecil TVET, Kajian Kes, kerja praktikal, simulasi dan lain-lain yang berkaitan dan mengikut kesesuaian tahap. * Kertas Kerja tidak dikira sebagai Ujian Amali		
		Jumlah	70%	60%
		PENGETAHUAN	9%	16%
		Penilaian Akhir Teori		
		PRESTASI	21%	24%
		Penilaian Akhir Amali		
		Jumlah	30%	40%
		Jumlah %	100	100

- 6.2 Bilangan soalan dan set soalan untuk PKK tidak ditetapkan tetapi keseluruhan penilaian perlu memenuhi semua *Work Activities* (WA).
- 6.3 Bilangan dan jenis soalan PA merujuk kepada **Jadual 5**.
- 6.4 Kaedah pembangunan soalan adalah merujuk kepada **Panduan Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran yang sedang berkuatkuasa**.
- 6.5 Pecahan peratus penilaian dan markah lulus minimum setiap komponen penilaian bagi Tahap 1 hingga 5 adalah seperti **Jadual 7**.

Jadual 7: Pecahan Peratus Penilaian Dan Markah Lulus Minimum

BIL	KOMPONEN PENILAIAN		PECAHAN PERATUS PENILAIAN DAN MARKAH LULUS MINIMUM			
			TAHAP 1 - 3	MARKAH MIN	TAHAP 4 & 5	MARKAH MIN
1.	PENILAIAN KERJA KURSUS (PKK)	Penilaian Pengetahuan (Teori)	21%	12.6	24%	14.4
		Penilaian Prestasi (Amali)	49%	29.4	36%	21.6
		JUMLAH	70%	42	60%	36
2.	PENILAIAN AKHIR (PA)	Penilaian Pengetahuan (Teori)	9%	5.4	16%	9.6
		Penilaian Prestasi (Amali)	21%	12.6	24%	14.4
		JUMLAH	30%	18	40%	24
	JUMLAH %		100	60	100	60

- 6.6 Markah lulus minimum bagi setiap elemen penilaian pengetahuan dan prestasi ialah **60%** iaitu sekurang-kurangnya **gred C** seperti **Jadual 8**.
- 6.7 Bagi Modul MC yang mengandungi kombinasi WA pelbagai tahap hendaklah merujuk kepada pecahan peratus penilaian dan markah tahap tertinggi.

Jadual 8: Penggredan dan Pemarkahan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit

Gred	Nilai Kredit	Julat Markah	Tahap Keterampilan
A	4.00	95.00 – 100.00	Terampil Cemerlang
A-	3.70	90.00 – 94.99	
B+	3.30	85.00 – 89.99	Terampil Baik
B	3.00	80.00 – 84.99	
B-	2.70	75.00 – 79.99	
C+	2.30	70.00 – 74.99	Terampil
C	2.00	60.00 – 69.99	
F	0	0 – 59.99	Belum Terampil

- 6.8 Penilaian MC-WA tidak mengambilkira nilai kredit, keputusan Penilaian Akhir hanya terampil atau belum terampil. Nilai kredit mengikut CU akan diberikan apabila semua WA dalam CU tersebut terampil.

7.0 PELAKSANAAN VERIFIKASI PENILAIAN AKHIR

7.1 PERMOHONAN VERIFIKASI PPL

- a. PB perlu memohon verifikasi PPL dalam sistem semasa pendaftaran pelatih.
- b. PB hendaklah mematuhi syarat-syarat permohonan verifikasi PPL dalam sistem seperti berikut:
 - i. PB perlu memilih dua (2) nama PPL mengikut program;
 - ii. PB perlu mendapatkan persetujuan PPL yang dipilih; dan
 - iii. cadangan tarikh verifikasi PPL adalah pada tarikh tamat latihan atau dalam tempoh 30 hari selepas tarikh tamat latihan.
- c. Pegawai JPK berhak membuat pindaan dan mengesahkan permohonan dalam sistem.
- d. Sesi verifikasi PPL hanya boleh dilaksanakan setelah disahkan oleh pegawai JPK.

7.2 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PB

- a. PB perlu mematuhi perkara 7.1 Permohonan Verifikasi PPL.
- b. PB hendaklah memastikan semua markah PKK dan PA yang telah dilaksanakan secara dalaman direkodkan ke dalam sistem.
- c. Memastikan RPK telah dilengkapi dan ruangan tandatangan pada RPK hanya diisi oleh PP dan PPD yang berdaftar di dalam sistem.
- d. Menyediakan jadual pelaksanaan PA.
- e. Menguruskan percetakan, penyimpanan dan pengedaran soalan dan bertanggungjawab dalam memastikan kawalan keselamatan ke atas kertas soalan yang telah dicetak.
- f. Memastikan set soalan adalah mencukupi berdasarkan bilangan pelatih.
- g. Menyediakan bahan dan peralatan serta kelengkapan lain yang secukupnya seperti yang terkandung di dalam soalan.
- h. Untuk menduduki Penilaian Akhir, PB hendaklah memastikan pelatih:
 - i. Mencapai sekurang-kurangnya 80% kehadiran bagi setiap Modul CU sepanjang tempoh latihan; dan
 - ii. Lulus PKK pengetahuan dan PKK prestasi.
- i. Menyediakan tempat PA yang sesuai, selamat, mencukupi dan selesa serta memastikan PA hanya boleh dilaksanakan di PB yang mendaftarkan pelatih.

- j. Mengadakan mesyuarat pembukaan dengan PPL dan personel pentauliahan PB sebelum PA dijalankan.
- k. Memastikan semua personel pentauliahan hadir semasa sesi verifikasi PPL.
- l. Menyediakan portfolio pelatih dan dokumen berkaitan yang akan dinilai oleh PPL.
- m. Bertanggungjawab memastikan urusan latihan dan penilaian diselesaikan sebelum pelatih menamatkan latihan.
- n. Bertanggungjawab mengemaskini dan menyimpan rekod kehadiran dan penilaian pelatih sekurang-kurangnya dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh tamat latihan.

7.3 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PPL

- a. Mengadakan mesyuarat pembukaan dengan personel pentauliahan PB sebelum PA dijalankan.
- b. Menyemak kehadiran personel pentauliahan semasa sesi verifikasi.
- c. Menyemak minit mesyuarat minit mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Teknikal (TAC) berkaitan dengan soalan penilaian.
- d. Menyemak senarai pelatih yang akan diverifikasi.
- e. Menyemak bilangan soalan merujuk kepada Jadual penyediaan set soalan PA berdasarkan nilai kredit (MC-CU) / jam (MC-WA) dan tahap.
- f. Memilih satu (1) set soalan penilaian pengetahuan dan prestasi yang akan digunakan untuk PA.
- g. Menyemak dan mengesahkan:
 - i. portfolio semua pelatih melibatkan bukti-bukti keterampilan PKK dan PA yang telah dilaksanakan secara dalaman; dan
 - ii. pemarkahan yang diisi oleh PB dalam sistem.
- h. Memastikan pelatih yang mempunyai rekod kehadiran pelatih 80% keatas dan lulus PKK pengetahuan dan PKK prestasi sahaja dibenarkan menduduki PA.
- i. Menemuduga pelatih semasa pengesahan portfolio dan menandatangani setiap helaian RPK.
- j. Memastikan kemudahan dan peralatan bagi tujuan PA mencukupi dan berfungsi dengan selamat mengikut nisbah pelatih.
- k. Menyemak pengenalan diri pelatih yang akan menduduki PA.

- l. Memeriksa kertas jawapan PA pengetahuan dan memberikan markah kepada pelatih berdasarkan kepada skema pemarkahan yang disediakan.
- m. Menilai pelatih dan memberikan markah semasa sesi PA berdasarkan kepada skema pemarkahan yang mengandungi perkara kritikal, proses kerja, hasil kerja dan sikap/keselamatan/alam sekitar.
- n. Memastikan semua komponen penilaian keterampilan pelatih telah disemak dan disahkan sebelum mesyuarat penutup diadakan.
- o. Mengisi pemarkahan/keputusan PA dan melengkapkan laporan verifikasi PPL dalam sistem pada hari penilaian diadakan.
- p. Mengadakan mesyuarat penutup bagi memberikan maklum balas / penemuan berkenaan pelaksanaan PA kepada personel pentauliahan PB terhadap verifikasi yang dilaksanakan.

7.4 PENILAIAN ULANGAN DAN ULANG NILAI

7.4.1 Penilaian Ulangan Dalaman

- a. Penilaian ulangan dalaman dibolehkan bagi penilaian PKK dan PA dalaman.
- b. Penilaian ulangan dalaman boleh dilaksanakan sepanjang tempoh latihan sebelum penilaian akhir verifikasi PPL dilaksanakan.
- c. Penilaian ulangan dalaman ini hanya melibatkan personel pentauliahan di PB sahaja.
- d. Tiada bayaran pendaftaran ulangan dikenakan sekiranya penilaian ulangan dalaman ini dilaksanakan sebelum penilaian akhir verifikasi PPL.

7.4.2 Penilaian Ulangan semasa Verifikasi PPL

- a. Penilaian Ulangan semasa Verifikasi PPL dibenarkan untuk komponen **penilaian pengetahuan** sahaja dan dibenarkan **sekali** sahaja pada hari yang sama menggunakan set soalan berlainan.
- b. Penilaian ulangan adalah melibatkan personel pentauliahan di PB dan PPL.

- b. Pelatih yang lulus penilaian ulangan akan diberikan markah sebenar yang diperolehi semasa penilaian tersebut dilaksanakan.

7.4.3 Penilaian Ulang Nilai

- a. Penilaian ulang nilai adalah penilaian semula yang dilaksanakan bagi Verifikasi PPL yang telah disahkan gagal oleh PPL dan mesyuarat JPPS.
- b. Sesi verifikasi PPL ulang nilai dibenarkan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh mesyuarat JPPS.
- c. Bayaran pendaftaran ulang nilai adalah merujuk kepada Peraturan Fi Dan Caj yang sedang berkuat kuasa.

8.0 PERSIJILAN

8.1 SYARAT-SYARAT PERSIJILAN

Pelatih yang terampil bagi program Modul MC layak dianugerahkan sijil Penyata Pencapaian (PC). Syarat-syarat persijilan adalah merujuk kepada Panduan Pengeluaran Sijil di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia yang sedang berkuatkuasa.


9.0 TARIKH KUATKUASA

Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Program *Micro Credential* Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia ini mula berkuatkuasa pada **1 Julai 2022**.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

1 Julai 2022

Lampiran 1- Carta Alir pelaksanaan Program *Micro Credential*



PB

PENDAFTARAN PELATIH & PERMOHONAN PPL DALAM TALIAN

- PB perlu memohon verifikasi PPL melalui sistem **semasa** pendaftaran pelatih
- PB pilih 2 nama PPL mengikut program;
- PB perlu dapatkan persetujuan PPL;
- Tarikh verifikasi PPL pada tarikh akhir latihan atau dalam tempoh 30 hari selepas tarikh tamat latihan

PB

LATIHAN & PENILAIAN (PKK & PA):

1. MC-CU – penilaian berasaskan sistem kredit
2. MC-WA – penilaian bukan kredit

JPK

Pegawai JPK semak dan sahkan nama PPL dalam sistem

- Boleh pinda nama dan tarikh verifikasi PPL

PPL & PB

– Verifikasi PPL mengikut jenis penilaian

JPK - PERSIJILAN